


KAUNSELING KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT: PERSPEKTIF MALAYSIA

Mohd Hakimie Zainal Abidin^{1*} & Rorlinda Yusof²

ABSTRACT

Career guidance and counseling services among smart and talented students is one of the important elements in developing the potential of smart and talented students. In addition, smart and talented students face unique issues in managing learning matters at school. Accurate information and appropriate strategies are required in providing career guidance and counseling services. Accordingly, this study aims to examine career guidance and counseling issues faced by smart and talented students who are pursuing academic studies at one of the institutions that offer smart and talented education. In addition, this study aims to analyze the needs of guidance and career counseling services for smart and talented students. This study is a qualitative study that uses a phenomenological research design by conducting document analysis and interviews as data collection methods. The study participants involved in this study are ten people who are smart and talented students. The research data in this study was analyzed using atlas.ti software. The results of the study show that smart and talented students have issues in career guidance and counseling and need guidance and career counseling services from the counselors at the institution.

Keywords: Career Guidance, Counseling, Students, Smart, Talent



**Volume 11 (1),
June 2024**

¹ Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya

² Pusat
PERMATA@Pintar
Negara,
Universiti Kebangsaan
Malaysia

Corresponding Author:
hakimie@ukm.edu.my

MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF PSYCHOLOGY & COUNSELING

PENGENALAN

Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (PPPN UKM) adalah institusi pendidikan pertama yang mengenal pasti dan menawarkan pendidikan pintar dan berbakat di Malaysia. PPPN UKM menawarkan empat program utama iaitu Program Pencarian dan Pengurusan Bakat, Program Pengayaan, Program Pendidikan Menengah, dan Program ASASI Pintar (Pusat GENIUS@Pintar Negara, 2023). PPPN UKM telah mengenal pasti seramai 388,088 orang pelajar bagi mengambil ujian UKM1 untuk mengenal pasti pelajar pintar dan berbakat di seluruh Malaysia pada tahun 2022. Di Malaysia, pelajar pintar dan berbakat dikenal pasti menggunakan Ujian UKM1, UKM2, dan UKM3 (Siti Fatimah et al., 2012). Pelajar pintar dan berbakat yang telah dikenal pasti ditawarkan ke Program Pendidikan iaitu di Kolej PERMATA@Pintar Negara (KPPN) untuk mengikuti pengajian akademik secara berasrama penuh.

Pelajar pintar dan berbakat adalah pelajar yang mempunyai kepintaran semulajadi dalam diri mereka yang berada sepuluh peratus teratas dalam kelompok kumpulan yang sebaya dengan mereka (Gagné, 1992). Selain itu, pelajar pintar dan berbakat memperoleh kebolehan yang luar biasa berbanding pelajar lain yang sebaya dengan mereka (McClain & Pfeiffer, 2012). Seterusnya Gagné, (2008) menyatakan bahawa pelajar pintar dan berbakat perlu melalui penggilapan proses kepintaran mereka untuk menjadi berbakat supaya terdapat peralihan daripada pintar kepada berbakat melalui pemangkin kepada penggilapan tersebut seperti pihak pentadbiran, pihak sekolah, guru, rakan sebaya dan persekitaran yang memenuhi keperluan pelajar pintar dan berbakat.

Dalam mendepani dan menyantuni pelajar pintar dan berbakat ini, terdapat pelbagai andaian yang diberikan kepada pelajar pintar dan berbakat. Antara andaian yang biasa diberikan kepada kelompok pelajar ini adalah pelajar pintar dan berbakat tidak memerlukan bantuan kerana mereka boleh mengendalikan urusan mereka dengan sendiri tanpa bantuan (National Association of Gifted Children, 2023). Selain itu, terdapat juga andaian bahawa pelajar pintar dan berbakat tidak perlu bimbingan dari orang yang dewasa yang mana andaian seperti ini adalah andaian yang kurang tepat kerana pelajar pintar dan berbakat adalah pelajar yang sama dengan pelajar lain yang memerlukan bimbingan dan panduan dari orang dewasa (Peterson, 2009). Terdapat juga andaian-andaan lain seperti pelajar pintar dan berbakat ini adalah pelajar yang lebih pandai, lebih beremosi, dan lebih matang dari aspek tingkahlaku berbanding pelajar lain (Berman et al., 2012; Kurt, 2016). Sehubungan itu, kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya lebih cenderung memfokuskan kaunseling kerjaya yang berkaitan dengan permohonan universiti, penajaan biasiswa, dan penerokaan laluan kerjaya membuat keputusan pekerjaan serta keputusan akademik (Barker & Satcher, 2000; Kurt, 2016; Muratori & Smith, 2015).

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelajar pintar dan berbakat mempunyai keperluan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling khususnya bimbingan dan kaunseling kerjaya. Ini dapat dilihat apabila pelajar pintar dan berbakat mempunyai pelbagai isu dalam perancangan kerjaya mereka. Antara isu yang timbul dalam perancangan kerjaya mereka adalah potensi pelbagai (*multipotentiality*), sikap kesempurnaan (*perfectionism*), tekanan dari ekspektasi orang lain, kematangan kerjaya yang awal usia, pengasingan diri dari masyarakat, dan kekurangan *role model* dari orang dewasa (Carolyn, 1997; Greene, 2003; Kurt, 2016; Rice & Ray, 2018).

MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF PSYCHOLOGY & COUNSELING

Pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai potensi pelbagai pada kebiasaanya mempunyai kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Ini membolehkan pelajar pintar dan berbakat memperoleh pencapaian atau markah yang tinggi dalam pelbagai ujian terutama ujian yang berkaitan dengan kerjaya (Achter et al., 1996; Jung, 2013; Kurt, 2016). Natijahnya daripada potensi pelbagai ini kepada pelajar pintar dan berbakat adalah mereka mempunyai pencapaian atau prestasi yang baik dalam pelbagai bidang membuatkan pelajar pintar dan berbakat berhadapan dengan pelbagai pilihan kerjaya untuk dipilih bagi meneruskan kerjaya mereka (Sajjadi et al., 2010).

Selain itu, pelajar pintar dan berbakat mempunyai sikap kesempurnaan dalam diri mereka (Kristie, 2004; Mohd Hakimie, 2014; Pyryt, 2010). Sikap kesempurnaan adalah kecenderungan untuk menetapkan piawai pencapaian yang tinggi dan mencabar dalam mencapai sesuatu matlamat yang ingin dicapai oleh seseorang (Curran & Hill, 2019; Flett & Hewitt, 2002; Oxtoby, 2018). Sikap kesempurnaan ini boleh memberi kesan yang positif dan negatif. Kesan positif yang boleh dilihat daripada sikap kesempurnaan adalah pencapaian dalam sesuatu aktiviti atau peristiwa adalah pencapaian yang boleh dibanggakan kerana di luar kebiasaan, namun terdapat kesan negatif yang boleh menyebabkan rasa tidak berpuas hati, kebimbangan, kesihatan mental yang merosot, dan perhubungan yang sukar dengan orang lain (Goetz et al., 2008; Mofield et al., 2016; Mofield, 2010).

Pelajar pintar dan berbakat juga mempunyai tekanan ekspektasi dari orang lain dalam menentukan kerjaya mereka. Seterusnya Renati et al., (2023) menyatakan bahawa penjaga memainkan peranan utama dalam pembentukan kemahiran diri untuk membangunkan potensi dan mengutamakan kesihatan mental dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Selain itu, penjaga kepada pelajar pintar dan berbakat memerlukan bimbingan dalam mempunyai gaya keibubapaan yang sesuai dalam mengendalikan pelajar pintar dan berbakat (Huff et al., 2005). Penjaga pelajar pintar dan berbakat turut merasai tanggungjawab dalam menyediakan anak-anak mereka peluang yang sesuai dengan kebolehan, menyediakan kemudahan yang memenuhi keperluan pembelajaran anaknya yang unik, dan menyokong mereka dalam pembelajaran di sekolah (Matthews, 2009). Penjaga pelajar pintar dan berbakat perlu menguruskan anaknya yang turut terdedah berhadapan dengan tekanan (Jolly & Matthews, 2012). Pelajar pintar dan berbakat mempunyai cabaran dalam berinteraksi dengan orang lain dan memerlukan sokongan sosial dan emosi yang baik untuk membolehkan mereka berkebolehan dalam adaptasi dan mengendalikan cabaran yang unik mengenai dirinya (Papadopoulos, 2021).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka isu bimbingan dan kaunseling kerjaya dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Seterusnya adalah kajian ini untuk memahami wujudnya kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya dalam menyantuni dan meraikan kepelbagai isu kerjaya yang dihadapi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai ciri-ciri potensi pelbagai, sikap kesempurnaan dan ekspektasi yang tinggi dari orang lain. Selain itu, pengkaji turut melibatkan kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya terutama yang pernah mengendalikan tiga isu yang melibatkan pelajar pintar dan berbakat.

MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF PSYCHOLOGY & COUNSELING

Kajian ini mempunyai dua fasa pengumpulan data iaitu fasa pertama dan fasa kedua. Dalam pengumpulan data fasa pertama pengkaji melibatkan pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai ciri-ciri potensi pelbagai, sikap kesempurnaan dan ekspektasi yang tinggi dari orang lain. Pengkaji mengenal pasti maklumat ciri-ciri ini daripada analisis dokumen yang dilaksanakan oleh pengkaji. Pengkaji telah mendapatkan maklumat mengenai pencapaian akademik dan ujian psikologi melalui kebenaran daripada pihak pentadbiran sekolah. Maklumat yang diperolehi berkaitan pencapaian tersebut adalah dengan pengkaji merujuk kepada pasukan kaunselor untuk mendapatkan maklumat mengenai rekod log perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang diberikan kepada pelajar yang terlibat. Selain itu, pengkaji turut menyemak dokumen *Individual Education Plan (IEP)* pelajar melalui sistem bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang diri dan pencapaian pelajar. Maklumat yang diperolehi memandu pengkaji untuk menjalankan temu bual kepada pelajar pintar dan berbakat yang terlibat dengan persetujuan peserta kajian yang telah dipilih. Seramai sepuluh orang peserta kajian yang terlibat dalam kajian fasa pertama.

Fasa kedua pula, pengkaji melibatkan kaunselor yang mengendalikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada peserta kajian. Temu bual turut dijalankan kepada kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling iaitu seramai dua orang kaunselor yang mengendalikan perkhidmatan tersebut. Semua data temu bual direkod dan disalin semua dalam bentuk verbatim bagi membolehkan pengkaji menganalisis data kajian dalam kajian ini. Data berbentuk verbatim dianalisis menggunakan perisian atlas.ti bagi pengkaji mengenal pasti tema kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat isu potensi pelbagai, sikap kesempurnaan dan tekanan dari ekspektasi orang lain dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Disamping itu, kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya dapat mengenal pasti isu potensi pelbagai dalam kalangan pelajar, sikap kesempurnaan dan tekanan dari ekspektasi orang lain. Berikut adalah dapatan kajian yang diperolehi dari kajian ini.

Meneroka potensi pelbagai dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat serta keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya

Hasil dapatan analisis data menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat mempunyai ciri-ciri potensi pelbagai dalam diri mereka. Analisis yang dijalankan kepada sepuluh peserta kajian menunjukkan tujuh peserta kajian sedar mengenai diri mereka yang berhadapan dengan ciri-ciri potensi pelbagai. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kaunselor yang ditemu bual telah memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada kesemua peserta kajian yang mempunyai ciri-ciri potensi pelbagai. Berikut adalah petikan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji.

"Saya berada di sini sudah memasuki tahun yang keempat. Sepanjang saya berada di sini saya memperoleh Anugerah Pengarah iaitu 3.67 dan ke atas pada setiap peperiksaan dan saya juga mewakili daerah dalam sukan badminton di kejohanan sukan-sukan sekolah"

(Peserta Kajian 3)

MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF PSYCHOLOGY & COUNSELING

Meneroka sikap kesempurnaan dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat serta keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya

Hasil dapatan analisis data menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat mempunyai ciri-ciri sikap kesempurnaan dalam diri mereka. Analisis yang dijalankan kepada sepuluh peserta kajian menunjukkan lima peserta kajian sedar mengenai diri mereka yang berhadapan dengan ciri-ciri sikap kesempurnaan dalam. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kaunselor yang ditemu bual telah memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada kesemua peserta kajian yang mempunyai ciri-ciri sikap kesempurnaan. Berikut adalah petikan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji.

"Saya mengalami kesukaran untuk menghantar tugas kepada pensyarah kerana saya tidak berpuas hati dengan hasil kerja saya. Di sini setiap semester ada banyak tugas dan kadang kala saya juga tidak menghantar tugas ikut pada masa yang ditetapkan oleh pensyarah. Ada ketika pensyarah akan menghubungi saya untuk menghantar tugas yang telah diberikan kepada saya. Entahlah saya tidak boleh hantar tugas kalau tugas tersebut tidak seperti yang saya inginkan".

(Peserta Kajian 9)

Meneroka tekanan dari ekspektasi orang lain dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat serta keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya

Hasil dapatan analisis data menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat mempunyai tekanan dari ekspektasi orang lain dalam kalangan mereka. Analisis yang dijalankan kepada sepuluh peserta kajian menunjukkan tiga peserta kajian sedar mengenai diri mereka yang berhadapan dengan tekanan dari ekspektasi orang lain. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kaunselor yang ditemu bual telah memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada kesemua peserta kajian yang mempunyai tekanan dari ekspektasi orang lain. Berikut adalah petikan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji.

"Setiap kali saya exam, parents saya akan sentiasa hubungi saya untuk saya bersedia dengan exam. Apabila results exam keluar, biasanya parents saya akan semak melalui sistem dan biasanya mereka akan tanya saya kenapa saya dapat lemah bagi subjek yang B ke bawah. Dah beberapa tahun saya di sini saya lalui perkara ini dan kadang-kadang menekan saya apabila time nak exam kerana dekat sini ada empat kali exam setahun.

(Peserta Kajian 1)

PERBINCANGAN

Terdapat pelajar pintar dan berbakat mempunyai ciri potensi yang pelbagai dalam diri (Greene, 2003; Kurt, 2016). Kelompok pelajar yang mempunyai ciri ini perlu disantuni dengan menggunakan strategi yang berkesan (Kennedy & Farley, 2018). Selain itu, kelompok pelajar pintar dan berbakat memerlukan perkhidmatan bimbingan dan kerjaya yang khusus bagi memboleh strategi bimbingan dan kaunseling kerjaya bertepatan dengan keperluan diri mereka. (Smith & Wood, 2020).

Selain itu, pelajar pintar dan berbakat juga mempunyai sikap kesempurnaan diri yang terbentuk dalam diri mereka. Sikap kesempurnaan ini boleh memberi kesan positif dan negatif kepada kehidupan pelajar pintar dan berbakat terutama mengikuti sesi pembelajaran di sekolah (Mohd Hakimie, 2014; Neumeister, 2004; Rice & Ray, 2018). Sehubungan itu, aspek ini perlu diberi penekanan oleh kaunselor dalam mengendalikan pelajar pintar dan berbakat terutama dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya. Seterusnya Oxtoby, (2018) menyatakan bahawa

MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF PSYCHOLOGY & COUNSELING

latihan yang sesuai dengan sikap adalah perlu untuk mengenal pasti tingkah laku yang menyebabkan sikap kesempurnaan berterusan dalam diri. Peranan ini boleh dimainkan oleh kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya kepada pelajar pintar dan berbakat.

Pelajar pintar dan berbakat turut melalui tekanan dari ekspektasi orang lain dalam kehidupan mereka. Tekanan ini adalah sangat berkait dengan gaya keibubapaan yang dilaksanakan di rumah dalam kehidupan pelajar pintar dan berbakat (Huff et al., 2005; Jolly & Matthews, 2012; Renati et al., 2023). Rentetan itu, kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya perlu mengambil perhatian kepada aspek ini bagi memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan keperluan pelajar pintar dan berbakat.

KESIMPULAN

Pelajar pintar dan berbakat adalah pelajar yang berpotensi untuk dikembangkan kepada tahap yang optimum. Pelajar pintar dan berbakat juga adalah pelajar mempunyai isu-isu yang perlu ditangani dengan bimbingan oleh orang dewasa. Kepintaran yang dimiliki adalah anugerah yang diberikan kepada pelajar pintar dan berbakat dan kepintaran ini perlu dikembangkan kepada berbakat bagi membolehkan pelajar pintar dan berbakat dapat menyeimbangkan kepintaran intelek dan juga kepintaran emosi. Disamping itu juga, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya yang bertepatan dengan keperluan pelajar ini perlu dilihat oleh kaunselor yang memberikan perkhidmatan tersebut. Kaunselor yang memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerjaya perlulah kaunselor yang mempunyai pengetahuan yang lengkap mengenai ciri-ciri pelajar pintar dan berbakat disamping kaunselor tersebut juga perlu mempunyai kecekapan dalam pengendalian isu bimbingan dan kaunseling kerjaya kepada pelajar pintar dan berbakat supaya perkhidmatan yang diberikan adalah perkhidmatan yang sejahtera bagi kehidupan pelajar pintar dan berbakat.

RUJUKAN

- Achter, J. A., Lubinski, D., & Benbow, C. P. (1996). Multipotentiality Among the Intellectually Gifted: "It Was Never There and Already It's Vanishing." *Journal of Counseling Psychology*, 43(1), 65–76.
- Barker, J., & Satcher, J. (2000). School Counselors' Perceptions of Required Workplace Skills and Career Development Competencies. *Professional School Counseling*, 4(2), 134–139.
- Berman, K. M., Schultz, R. A., & Weber, C. L. (2012). A Lack of Awareness and Emphasis in Preservice Teacher Training: Preconceived Beliefs About the Gifted and Talented. In *Gifted Child Today*. <https://doi.org/10.1177/1076217511428307>
- Carolyn, O. (1997). Gifted students and perfectionism. *Roeper Review*, 20(1), 39–41.
- Curran, T., & Hill, A. P. (2019). Perfectionism is increasing over time: A meta-analysis of birth cohort differences from 1989 to 2016. *Psychological Bulletin*, 145(4), 410–429. <https://doi.org/10.1037/bul0000138>
- Flett, G. L., & Hewitt, P. L. (2002). Perfectionism and maladjustment: An overview of theoretical, definitional, and treatment issues. *American Psychological Association*, 5–31.
- Gagné, F. (1992). On the differentiated nature of giftedness. *Guiding the Gifted National Conference: Proceedings of the Guiding the Gifted Conference*, Auckland.
- Gagné, F. (2008). Building gifts into talents : Brief overview of the DMGT 2 . *Most, December*, 2–6.

MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF PSYCHOLOGY & COUNSELING

- Goetz, T., Preckel, F., Zeidner, M., & Schleyer, E. (2008). Big fish in big ponds: A multilevel analysis of test anxiety and achievement in special gifted classes. *Anxiety, Stress and Coping*, 21(2), 185–198. <https://doi.org/10.1080/10615800701628827>
- Greene, M. J. (2003). Gifted adrift? Career counseling of the gifted and talented. In *Roeper Review* (Vol. 25, Issue 2, pp. 66–72). <https://doi.org/10.1080/02783190309554201>
- Huff, R. E., Houskamp, B. M., Watkins, A. V., Stanton, M., & Tavegia, B. (2005). The Experiences of Parents of Gifted African American Children: A Phenomenological Study. *Roeper Review*, 27(4), 215–221. <https://doi.org/10.1080/02783190509554321>
- Jolly, J. L., & Matthews, M. S. (2012). A Critique of the Literature on Parenting Gifted Learners. *Journal for the Education of the Gifted*, 35(3), 259–290. <https://doi.org/10.1177/0162353212451703>
- Jung, J. Y. (2013). The Cognitive Processes Associated with Occupational/ Career Indecision: A Model for Gifted Adolescents. *Journal for the Education of the Gifted*, 36(4), 433–460. <https://doi.org/10.1177/0162353213506067>
- Kennedy, K., & Farley, J. (2018). Counseling Gifted Students: School-Based Considerations and Strategies. *International Electronic Journal of Elementary Education*, 10(3), 361–367.
- Kristie, L. S. N. (2004). Factors Influencing the Development of Perfectionism in Gifted College Students. *Gifted Child Quarterly*, 48(4), 259–274.
- Kurt, L. J. (2016). Career Counseling for Gifted Students: Understanding Student Needs and Strategies for Success. *The Practitioner Scholar: Journal of Counseling* ..., 5, 156–168. https://ecommons.udayton.edu/edc_fac_pub/73/
- Matthews, D. J. (2009). A Parent's Guide to Gifted Children. *Roeper Review*, 31(4), 243–244. <https://doi.org/10.1080/02783190903177614>
- McClain, M. C., & Pfeiffer, S. (2012). Identification of Gifted Students in the United States Today: A Look at State Definitions, Policies, and Practices. *Journal of Applied School Psychology*, 28(1), 59–88. <https://doi.org/10.1080/15377903.2012.643757>
- Mofield, E. L. (2010). Addressing Multidimensional Perfectionism in Gifted Adolescents With Affective Curriculum. *Journal for the Education of the Gifted*, 33(4), 479–513.
- Mofield, E., Peters, M. P., & Chakraborti-Ghosh, S. (2016). Perfectionism, coping, and underachievement in gifted adolescents: Avoidance vs. approach orientations. *Education Sciences*, 6(3), 1–22. <https://doi.org/10.3390/educsci6030021>
- Mohd Hakimie, Z. A. (2014). *Perfectionism among Gifted And Talented Students in Malaysia*. 9–14.
- Muratori, M. C., & Smith, C. K. (2015). Guiding the Talent and Career Development of the Gifted Individual. *Journal of Counseling & Development*, 93, 173–183.
- National Association of Gifted Children. (2023). *Myths About Gifted Students*. <https://nagc.org/page/myths-about-gifted-students>
- Neumeister, K. L. S. (2004). Understanding the Relationship Between Perfectionism and Achievement Motivation in Gifted College Students. *Gifted Child Quarterly*, 48(3), 219–231.
- Oxtoby, C. (2018). Managing Perfectionism. *Veterinary Record*, 183(3), 106–106.
- Papadopoulos, D. (2021). Parenting the Exceptional Social-Emotional Needs of Gifted and Talented Children: What do we Know? *Children*, 8(11). <https://doi.org/10.3390/children8110953>
- Peterson, J. S. (2009). Myth 17: Gifted and Talented Individuals Do Not Have Unique Social and Emotional Needs. *Gifted Child Quarterly*, 53(4), 280–282.
- Pusat GENIUS@Pintar Negara. (2023). *Laman Utama Pusat GENIUS@Pintar Negara*. <https://www.ukm.my/geniuspintar/en/>
- Pyryt, M. (2010). *Helping Gifted Students Cope with Perfectionism* (1st Edition). Routledge. <https://www.davidsongifted.org/gifted-blog/helping-gifted-students-cope-with-perfectionism/>

MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF PSYCHOLOGY & COUNSELING

- Renati, R., Bonfiglio, N. S., Dilda, M., Mascia, M. L., & Penna, M. P. (2023). Gifted Children through the Eyes of Their Parents:Talents, Social-Emotional Challenges, and Educational Strategies from Preschool through Middle School. *Children*, 10(1). <https://doi.org/10.3390/children10010042>
- Rice, K. G., & Ray, M. E. (2018). *Perfectionism and the gifted*. American Psychological Association. <https://doi.org/https://doi.org/10.1037/0000038-042>
- Sajjadi, S. H., Rejskind, F. G., & Shore, B. M. (2010). Is Multipotentiality a Problem or Not? A New Look at the Data. *High Ability Studies*, 1, 27–43.
- Siti Fatimah, M. Y., Noriah, M. I., Melor, M. Y., & Rosadah, A. M. (2012). The Identification of Gifted and Talented Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 55(2005), 585–593. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.540>
- Smith, C. K., & Wood, S. M. (2020). Supporting the career development of gifted students: New role and function for school psychologists. *Psychology in the Schools*, 57(10), 1558–1568. <https://doi.org/10.1002/pits.22344>